



**PERSATUAN BULAN SABIT MERAH MALAYSIA CAWANGAN PERAK
(MALAYSIAN RED CRESCENT SOCIETY, PERAK BRANCH)**

IBU PEJABAT CAWANGAN (BRANCH HEAD QUARTERS), JALAN KOMPLEKS SUKAN, 31400 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.
TEL: 05-54-66-159 FAX: 05-54-82-679

Bil.(08)d/m.PBSMM.CPK.PEN.PENG.LAT. 229/07

16hb Julai 2007

Kepada :
Pengerusi & Setiausaha Kehormat,
BSMM Cabang

Y.Bhg Dato'/ Tuan/Puan,

Per: LENCANA KECEKAPAN BSMM PERINGKAT BELIA

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa pihak pejabat mendapati bahawa :

1. kebanyakan Pelajar/Guru datang ke pejabat Cawangan Perak membeli Lencana Kecekapan tanpa surat pengakuan yang disahkan atau melalui Pengerusi, Setiausaha Kehormat atau Pengerusi JKK Latihan Cabang masing-masing.
2. Terdapat sekolah atau Cabang yang tidak menjalankan peperiksaan Lencana Kecekapan tetapi mereka membeli Sijil Pengakuan di Pejabat Cawangan Perak.
3. Setiap Cabang perlu mengikuti Buku Panduan No.7 (Latihan)

Untuk menangani masalah ini kami berharap agar semua AJK Cabang harus membeli Buku Panduan tersebut dan hantar salinan ke setiap sekolah yang ada BSMM di Cabang masing-masing sebagai rujukkan mereka.

Pihak kami mendapati juga banyak sekolah yang mengadu bahawa cikgu di sekolah tidak mendapat apa-apa maklumat daripada Cabang-Cabang. Pihak Cabang mestilah menghantar satu senarai nama dan maklumat AJK Cabang ke setiap sekolah di Cabang masing-masing supaya pihak sekolah dapat menghubungi Pegawai Cabang jika mempunyai sebarang pertanyaan atau permintaan. Harap agar Setiausaha Kehormat Cabang mengambil tindakan yang sewajarnya atas perkara tersebut secepat yang mungkin..

Di samping itu, semua ahli BSMM di seluruh Negeri Perak yang ingin membeli Lencana Kecekapan dan Sijil Pengakuan Lencana Kecekapan mesti mendapatkan surat sokongan atau surat pengakuan daripada Pengerusi ,Setiausaha Kehormat atau Pengerusi JKK Latihan Cabang sahaja dan disertakan juga salinan sijil-sijil kelulusan peperiksaan Lencana Kecekapan atau sijil kehadiran untuk dijadikan bukti.

Kerjasama pihak Y.Bhg Dato'/Tuan/Puan amat kami hargai.

Sekian terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,

CHUA TEIK WEI
Setiausaha Cawangan
BSMM Cawangan Perak.

Sk. Timbalan Pengerusi, BSMM Cawangan Perak
Penolong Pengarah Latihan, BSMM Cawangan Perak
Penolong Pengarah Belia & Kanak-kanak, BSMM Cawangan Perak

